

MASJID AL-FATH, JALAN LAGUD SEBRANG, TENOM, SABAH

09 Julai 2010 **EDISI PERTAMA** **27 Rejab 1431 Hijrah**

JOM KE MASJID...!

Dari Ubai bin Kaab r.a. Katanya: "Ada seorang lelaki yang setahuku dialah yang paling jauh tempat tinggalnya dari masjid. Walaupun begitu, dia tidak pernah ketinggalan solat berjemaah. Kata orang kepadanya: "Alangkah baiknya jika kamu membeli seekor keldai untuk tunggangan kamu di malam gelap atau di panas terik." Dia menjawab: "Aku tidak suka tinggal berdekatan dengan masjid kerana aku ingin supaya setiap langkahku pergi dan pulang dari masjid ditulis Allah pahalanya bagiku." Sabda Rasulullah S.A.W: "Allah mengumpulkan pahala semuanya itu bagi mu." [Riwayat Muslim]

Huraian Hadis

Begitu indah 'panggilan Allah' sehingga orang yang benar-benar beriman akan segera berganjak dari kesibukan mereka untuk segera menyahut panggilan-Nya. Demikian juga banyak sekali keutamaan yang diberikan kepada mereka yang memakmurkan rumah Allah [Masjid]. Maka sesuai dengan kemajuan hari ini juga, banyak surau-surau dan masjid yang cantik dibina bagi memudahkan kita untuk solat berjemaah. Apatah lagi jika surau atau masjid itu terletak berdekatan dengan kediaman kita. Tidak perlu kita berkenderaan untuk ke sana. Namun kelazimannya manusia sentiasa tidak bersyukur di atas nikmat tersebut yang jika direnungkan amat ketara sekali pengabaiannya. Ini terbukti apabila kebanyakan masjid tinggal terbiar, sunyi sepi tanpa dimakmurkan oleh ahli kariah masing-masing sedangkan fungsi masjid amat luas iaitu selain menjadi tempat mendirikan solat, ia juga berfungsi sebagai tempat untuk melaksanakan aktiviti ceramah, majlis ilmu, aktiviti kemasyarakatan dan sebagainya. Hari ini apa yang menjadikan masjid meriah hanyalah jika tiba bulan puasa dan Hari Raya.

Meskipun kedudukan masjid tidak jauh, ternyata kita tidak tertarik untuk ke sana. Kata orang, hujan atau ribut tetap diharungi kerana hendak mematuhi peraturan kerja. Tetapi jika hendak ke masjid, meskipun tidak hujan, panas, jauh sekali, ribut petir kita tetap tidak pergi ke masjid. Betapa kita menilai bahawa pemberian gaji dan pahala itu seakan sesuatu yang asing. Kerja untuk dunia dan solat untuk akhirat. Sedangkan kerja juga suatu ibadah yang ganjarannya selain datang dari manusia berupa gaji, ia juga datang daripada Allah yang dengan sifat Pemurah-Nya memberikan kita rezeki [melalui kerja tersebut] dan Dia jugalah yang memberikan kita pahala jika kerja itu diniatkan sebagai ibadah yang dilakukan kerana Allah. Maka kita selaku manusia sewajarnya bersyukur kepada-Nya dengan datang beramai-ramai ke masjid untuk memakmurkan rumah-Nya yang sekalipun kita tidak diberi gaji untuk itu tetapi yang penting kita dikurniakan pahala dan keberkatan oleh-Nya. Bukankah itu sebaik-baik jalan bagi manusia menuju kesejahteraan hidup memandangkan bahawa bumi ini adalah milik Allah dan kita hanyalah makhluk yang kerdil yang menumpang sementara diatasnya. Justeru, hidupkanlah masjid sebagai tempat untuk menunaikan ibadah secara berjemaah selain mendirikannya di rumah secara bersendirian ataupun bersama keluarga!

JAWATANKUASA MASJID AL-FATH

PENAUNG
Pegawai Perhubungan
Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Sabah

PENASIHAT
01. Tuan Imam Ridzuan Kadim
[Imam Daerah Lagud Sebrang Tenom]
02. En. Jamawi Jaafar
[Ketua Pemuda UMNO Tenom]

PENGERUSI
Tuan Hj. Hassan Wasidi

TIMBALAN PENGERUSI
En. Azmie Rithauddin

SETIAUSAHA
Ust. Raman Akmat

TIMBALAN SETIAUSAHA
Pn. Aisah Amat

BENDAHARI
En. Ahmad Latip

AJK BAHAGIAN
BIRO DAKWAH & PENDIDIKAN
Imam Ridzuan Kadim

BIRO PUBLISITI
En. Mohd. Samizul Samad

BIRO PERALATAN
En. Ibrahim Tensem

BIRO KEBERSIHAN / KECERIAAN
En. Idris Koroh

BIRO REMAJA / RAKAN MUDA
En. Ademan Bian

BIRO WANITA
Pn. Ardiana Mohd. Basri


BIRO KERAIAN
En. Dullahsim Hj. Abd. Aji

BIRO KEBAJIKAN
En. Samron Aliasmat

BIRO PERKUBURAN
En. Mohd Suffery Abdullah

BIRO EKONOMI
En. Roslidi Usul

'KEAJAIBAN' MATA...



Cuba lihat tiga titik pada kalimah ALLAH selama 10 saat dan alihkan pandangan pada dinding / ruang kosong.. Lihatlah keajaibannya..

Subhanallah..

.....KALAM EDITOR

Bismillahi walhamdulillah...

Assalamu'alaikum w.b.t

Alhamdulillah, bersyukur kita kepada Allah S.W.T kerana dengan Izin dan Kasih Sayang-Nya dapat kita bertemu dan sama-sama mengerjakan ibadah di hari Jumaat ini, Penghulu Segala Hari.

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada-Nya kerana Ahli Majlis Jawatankuasa Masjid Al-Fath, Lagud Sebrang telahpun dibentuk tidak berapa lama yang lalu. Semoga dengan amanah perlantikan ini, masjid kita dapat dipacukan ke arah yang lebih baik dari yang sebelumnya, insya-Allah.

Antara usaha pihak AJK Masjid untuk mengimarahkan lagi fungsi dan peranan masjid ialah menerbitkan satu bahan yang menjadi medan maklumat sesama muslim sekitar masjid Al-Fath. Justeru, 'RISALAH AL-FATH' diterbitkan secara mingguan menemui jemaah Al-Fath.

Masih banyak lagi kekurangan yang wujud pada 'RISALAH AL-FATH'. Namun, insya-Allah pihak AJK Masjid akan memperkemas dan meningkatkan lagi kualiti risalah ini. Sebarang cadangan atau berita, amatlah dialu-alukan kepada pihak kami. Sehingga bertemu lagi di edisi yang seterusnya. Wassalam.